

Tesis/dissertasi/karangan akademik ini mestilah digunakan hanya untuk kajian dan penyelidikan sahaja. Bahagian-bahagian dari karya ini atau data-data serta ide-ide yang asal tidak boleh dipetik atau disebutkan tanpaakuan.

This thesis/dissertation/academic exercise must be used only for study or research purposes. No portion of this work nor any original data or idea may be taken or quoted from this work without due acknowledgement.

Perpustakaan
Universiti Sains Malaysia

INTELEKTUALISME DALAM PUISI
LATIFF MOHIDIN DAN MUHAMMAD HAJI SALEH

oleh
Ahmad Kamal Abdullah

Untuk Keperluan Latihan Akademik
Ijazah Sarjana Muda Sastera
di Pusat Pengajian Ilmu Kemarnusiaan

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1979/1980

"Bahawa yang sebenar-benar takut
kepada Allah itu, ialah hamba-hambanya
yang mempunyai ilmu."

(Q.s. Al-Fathir: 28)

Untuk isteriku dan anak-anakku yang tercinta
yang turut tabah dan berserah
kepada Allah:

Pon Mariam
Ainin Akmar
Ainul Azam
Ainil Umar

KANDUNGAN

	Halaman	
PEMGANTAR	iv	
SINOPSIS	vi	
PENDAHULUAN	viii	
BAB		
I	Pandangan Ringkas Terhadap Perkembangan Puisi Melayu	1
II	Intelektualisme Dalam Puisi Melayu	40
III	Latar Belakang Pertumbuhan Intelektualisme	66
IV	Riwayat Hidup, Proses Penciptaan Dan Tema	124
V	Intelektualisme Dalam Puisi Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh	196
VI	Kesimpulan	225
LAMPIRAN		
I	Puisi-Puisi Latiff Mohidin Dalam <u>Sungai Mekong</u>	241
II	Puisi-puisi Latiff Mohidin Yang Memenangi "Hadiah Sastera" 1971-1976	243
III	Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh Dalam <u>Sajak-Sajak Pendetang</u>	268
IV	Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh Yang Memenangi "Hadiah Sastera" 1971-1976	270
BIBLIOGRAFI	278	

P E N G A N T A R

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada pembimbing saya sepanjang penyelenggaraan Latihan Ilmiah ini, Professor Madya Dr. Ali bin Haji Ahmad, Pensyarah Kesusasteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang juga Penyelaras Rancangan Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia. Beliau banyak sekali memberikan bimbingan, pengertian, galakan dan petunjuk yang positif sejak dari awal hinggalah Latihan Ilmiah ini siap.

Penghargaan dan terima kasih ini juga saya sampaikan kepada Professor Madya Datuk Haji Shanon Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah mencetuskan minat saya untuk menulis Latihan Ilmiah mengenai Intelektualisme dan hubungannya dengan puisi Melayu. Kepada para pensyarah Kesusasteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan para pensyarah Ilmu Sains Politik dan Ilmu Sains Kemasyarakatan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, saya juga mengaturkan ucapan terima kasih atas kuliah-kuliah Kesusasteraan Bandingan, Pemikiran Islam dan Perbandingan Agama dan Masyarakat yang cuba saya terapkan di dalam Latihan Ilmiah ini.

Akhirnya, ucapan terima kasih kepada kedua-dua penyair Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh kerana memberikan kerjasama mereka yang erat, Ketua Bahagian Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, kerana memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman buku-buku dan menggunakan bahan rujukan dari Unit Dokumentasi. Penghargaan yang sama untuk Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Pustakawan Universiti Sains Malaysia kerana izinya menggunakan bahan-bahan di perpustakaan yang berkenaan.

Mudah-mudahan setiap usaha kita yang baik akan diberkati Allah.

Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang;
26 Februari 1980.

Ahmad Kamal Abdullah

13/2/80

S I N O P S I S

Dalam Bahagian Pendahuluan akan diterangkan kedudukan Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh di dalam perkembangan puisi Melayu moden. Kemudian dijelaskan juga mengapa Latiff dan Muhammad dipilih untuk dibicarakan dalam Latihan Ilmiah yang diberi tajuk "Intelektualisme Dalam Puisi Latiff Mohidin Dan Muhammad Haji Salleh". Bagi mencapai tujuan tersebut, akan dijelaskan juga pendekatan yang digunakan.

Bab I menerangkan secara ringkas perkembangan puisi Melayu moden sejak penyair Punggok menjelang Masuri S.N., A. Samad Said, Kassim Ahmad, Baha Zain seterusnya Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh. Pembicaraan ini akan melalui tingkat-tingkat perkembangan Zaman Awal, Zaman Jepun, Asas 50, Enam puluhan dan Tujuh puluhan (Mutakhir).

Bab II membicarakan Intelektualisme dalam puisi Melayu. Penyair-penyair Masuri S.N., Usman Awang, A. Samad Said ikut bersaing dengan penyair-penyair intelektual yang berpotensi besar seperti Kassim Ahmad, Baha Zain, Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh.

Bab III menjelaskan latar belakang pertumbuhan dan definisi intelektualisme di Barat. Kemudian diikuti pula dengan huraian tentang Zen Buddhism dan intelektualisme di dalam Islam.

Bab IV menerangkan Riwayat Hidup, Proses Penciptaan dan Tema puisi-puisi Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh. Dari sini akan dapat dilihat persamaan dan perbezaan kepenyairan Latiff dan Muhammad.

Bab V akan memperbandingkan Intelektualisme dalam puisi-puisi Latiff Mohidin dalam Sungai Mekong dengan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh dalam Gajak-Sajak Pemandang.

Bab VI adalah Bab Kesimpulan yang akan menilai sumbangan Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh dalam puisi Melayu moden dengan keistimewaan dan juga kekurangannya.